

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sambut raya, ziarah antara 30 kluster baharu

Putrajaya: Sambutan hari perayaan, ziarah dan majlis pengebumian antara pencetus 30 kluster baharu COVID-19 dengan 195 pesakit meninggal dunia, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada kluster baharu itu, masing-masing 14 kluster dikesan berpunca dari tempat kerja dan dalam kalangan komuniti, manakala dua kluster dari kumpulan berisiko.

Beliau berkata, daripada kluster berpunca aktiviti ziarah yang dikesan oleh kementeriannya, terdapat satu kluster yang berpunca daripada kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun.

"Kluster Kampung Pandan Tok La ini membabitkan aktiviti ziarah yang diadakan di kampung berkenaan untuk menghadiri majlis perkahwinan. Kes indeks bagi kluster ini ialah kanak-kanak lelaki yang dilaporkan po-

sitif COVID-19 hari ini (semalam), selepas mengalami gejala pada 23 Julai lalu.

"Sehingga kini, seramai 10 individu sudah disaring, iaitu lapan dilaporkan positif COVID-19 termasuk tujuh kes baharu hari ini," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, satu lagi kluster yang berpunca daripada ziarah ialah Kluster Kampung Jelor yang sudah menjangkiti 19 individu.

Katanya, kluster itu membabitkan aktiviti ziarah-menziarahi di Kampung Jelor, Pasir Puteh, bersempena sambutan perayaan. Kes indeks bagi kluster ini seorang wanita berusia 39 tahun.

"Kes mula mengalami gejala pada 24 Julai lalu, sebelum dilaporkan positif COVID-19 tiga hari kemudian.

Beliau berkata, Kluster Dah Kampung Nonang dikesan di Kota Setar, Kedah yang sudah menjangkiti 45 individu.

"Kluster ini turut dikesan membabitkan individu yang menghadiri majlis sambutan perayaan di kampung berkenaan.

"Kes indeks seorang lelaki berusia 47 tahun yang dilaporkan positif pada 28 Julai, hasil saringan kontak rapat," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dua lagi kluster yang membabitkan majlis pengebumian, dikenali sebagai Kluster Kampung Sungai Isap di Kuantan, dan Kluster Dah Kampung Tiang di Pendang, Kedah yang sudah menjangkiti 55 individu.

Dari segi pesakit baharu semalam, 17,105 kes dilaporkan.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,163,291 kes.

Katanya, semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan lima negeri mencatatkan kes tertinggi iaitu Selangor de-

ngan 5,836 kes, Kuala Lumpur (2,309), Johor (1,275), Kedah (1,036) dan Sabah (1,010).

"Negeri lain mencatatkan kes baharu ialah Perak dengan 967 kes, Kelantan (915), Negeri Sembilan (816), Pulau Pinang (798), Pahang (628), Melaka (508), Sarawak (494) dan Terengganu (429).

"Putrajaya dengan 72 kes, diikuti Perlis (tujuh) dan Labuan (lima)," katanya. Dr Noor Hisham berkata, 195 kematian dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kematian 9,598 orang.

Beliau berkata, kes tertinggi dilaporkan di Selangor iaitu 88 kes, diikuti Johor (24), Pulau Pinang (15), Kedah (13), Sabah (12), masing-masing lapan kes di Negeri Sembilan dan Pahang, manakala tujuh kes di Terengganu.

Selain itu, katanya, empat kematian di Perak, Kelantan (tiga), Sarawak (dua) dan masing-masing satu kes di Labuan dan Perlis.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Percepat proses pengebumian



PETUGAS Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menggunakan perkhidmatan jentera berat backhoe untuk menggali kubur dalam usaha mempercepatkan upacara pengebumian kerana lonjakan kematian Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah KL-Karak. Gambar NSTP/FARIZ ISWADI ISMAIL.

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Pengurusan jenazah pesakit Covid-19 beragama Islam di tiga hospital di Selangor kini tidak melebihi tempoh 24 jam susulan pelaksanaan inisiatif pengurusan jenazah dilaksanakan kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya juga dalam perbincangan dengan pengendali mayat pesakit Covid-19 bukan Islam bagi proses pengurusan yang sebelum ini memakan masa sehingga empat hari.

"Alhamdulillah, suka saya maklumkan bahawa tiada lagi 'limpahan' jenazah pesakit Covid-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah

Urus jenazah kurang 24 jam

Inisiatif kerajaan Selangor berjaya kurangkan masa pengurusan di tiga hospital

(HTAR) seperti dilaporkan sebelum ini.

"Ia selepas beberapa inisiatif yang kita laksanakan termasuk menjadikan tiga hospital iaitu HTAR, Hospital Shah Alam dan Hospital Sungai Buloh sebagai pusat pengurusan jenazah Covid-19.

"Kini, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berbincang dengan pengendali bagi mempercepatkan proses peng-

urusan mayat bukan Islam," katanya ketika ditemui selepas sesi lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, semalam.

Dalam pada itu Amirudin memaklumkan, 30 peratus individu di negeri ini sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 sehingga kelma-

"Dalam tempoh 20 hari lagi kita capai 50 peratus. Maknanya sehingga akhir Ogos, kita mungkin hampir mencapai 60 peratus.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati dengan angka ini justeru pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk menumpukan suntikan vaksin kepada warga asing sama ada yang berdokumen atau tidak," katanya.

17,105 kes baharu, 195 kematian dicatat

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 mencatatkan peningkatan apabila merekodkan sebanyak 17,105 kes semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu dalam negara kepada 1,163,291 kes dengan 203,664 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 317 kes atau 1.9 peratus adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

Katanya, sebanyak 16,788 kes atau 98.1 peratus lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2 berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19.

"Ada di antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, hanya 3,115 kes atau 18.2 peratus daripada jumlah kes dilaporkan hari ini (semalam) ada sejarah imunisasi Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 17,105 kes dilaporkan, 37 kes adalah kes import, manakala 17,068 kes lagi membabitkan penularan

1,066

Jumlah kes positif Covid-19 menerima rawatan di ICU



Ada 195 kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 173 warga tempatan serta 22 warga asing dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 88 kes diikuti Johor (24 kes) dan Pulau Pinang (15 kes)"

Dr Noor Hisham

tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 5,836 kes diikuti Kuala Lumpur (2,309 kes) dan Johor (1,275 kes).

"Terdapat 1,066 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 537 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, 12,297 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 950,029 kes atau 81.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Ada 195 kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 173 warga tempatan serta 22 warga asing dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 88 kes diikuti Johor (24 kes) dan Pulau Pinang (15 kes).

"Kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian 9,598 kes atau 0.82 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

21.7 juta sudah divaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 21,668,999 dos vaksin Covid-19 diberikan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi perkongsian infografik di Twitturnya memaklumkan, daripada jumlah itu, 14,471,138 orang menerima suntikan dos pertama, manakala 7,197,861 orang menerima dos kedua.

"Mengikut peratusan, 44.3 peratus daripada populasi negara mendapat dos pertama, manakala 22 peratus melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 mereka," katanya.

Sementara itu, vaksinasi harian mencatatkan sebanyak 468,526 dos diberikan semalam dengan 223,479 adalah pemberian dos pertama manakala 245,047 lagi adalah dos kedua. -Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

HKL nafi mesej tular

Kuala Lumpur: Hospital Kuala Lumpur (HKL) menafikan mesej tular yang mendakwa kononnya ada pesakit Covid-19 yang disahkan meninggal dunia, namun semasa mayat tiba di lokasi pengebumian, pesakit itu didapati masih hidup.

Pasukan Respons Pantas Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam kenyataan malam kelmarin berkata, HKL menjelaskan bahawa tiada kejadian seperti itu berlaku.

"Orang ramai dinasihat-

kan tidak mempercayai mesej itu dan berhenti daripada menyebarkan maklumat palsu yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini tular mesej yang mendakwa seorang pesakit Covid-19 yang disahkan meninggal dunia oleh doktor yang bertugas di wad Unit Rawatan Rapi didapati masih hidup semasa di lokasi pengebumian dan seterusnya dibawa kembali ke HKL. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Penularan harian kembali melebihi 17,000, seramai 195 lagi meninggal dunia

Jumlah pesakit aktif melepasi 200,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan terus melonjak melepasi angka 200,000 dengan 203,664 kes semalam, termasuk 1,066 kes sedang dirawat di Unit Rawaran Rapi (ICU) dan 537 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes harian negara pula kembali melebihi 17,000 iaitu sebanyak 17,105 kes termasuk 37 kes import, menjadikan jumlah kes positif sebanyak 1,163,291 kes.

Dalam masa sama, sebanyak 12,297 kes sembuh direkodkan dengan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 950,029 kes.

Terdapat 195 kes kematian termasuk 22 warga asing terdiri daripada 111 lelaki dan 84 wanita dengan 34 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 317 kes (1.9 peratus) kategori tiga, empat dan lima, manakala 16,788 kes (98.1 peratus) daripada kategori satu dan dua.



SUKARELAWAN membantu seorang warga emas yang hadir secara *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi semalam. - FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori sama sepan-

jang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau mero-

sot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 3,115 kes (18.2 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan

mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Ujarnya, sebanyak 97 kes semalam melibatkan kategori lima (kritikal, menggunakan ventilator) dengan 89 kes atau 91.8 peratus tiada sejarah vaksinasi, manakala 85 kes kategori empat (perlu bantuan oksigen) dengan 67 kes atau 78.8 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Kategori tiga pula (radang paru-paru) merekodkan 135 kes dengan 87 kes atau 64.4 peratus tiada sejarah vaksinasi dan 8,520 kes kategori dua (gejala ringan) iaitu 6,265 kes atau 73.5 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Bagi kategori satu (tiada gejala) merekodkan 8,268 kes iaitu 7,482 kes atau 90.5 peratus tiada sejarah vaksinasi," katanya.

Katanya, didapati 81.79 peratus kes yang baharu didiagnosis Covid-19 semalam tidak mempunyai sejarah vaksinasi.

Mengulas lanjut, katanya, sebanyak 30 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 14 kluster tempat kerja, 13 kluster komuniti serta dua kluster kumpulan berisiko tinggi.

Enam kit ujian sendiri diluluskan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) sudah meluluskan enam kit ujian sendiri Covid-19 setakat semalam.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kesemua kit berkenaan telah melepasi ujian prestasi dan memenuhi keperluan-keperluan ditetapkan sebelum diberikan kelulusan bersyarat.

Beliau berkata, kit-kit ujian itu telah dibekalkan ke farmasi-farmasi komuniti dan fasiliti kesihatan untuk dibeli oleh orang ramai.

Menurutnya, sebanyak 14 kit ujian lagi sedang menjalani ujian prestasi oleh makmal-makmal terpilih ketika ini.

"Manakala, 35 kit ujian lagi akan dibuat penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal Kit Ujian Covid-19 sebelum menjalani ujian prestasi oleh makmal-makmal terpilih.

"Apabila proses penilaian ini selesai kelak, pengguna akan dapat lebih banyak pilihan kit ujian untuk mereka menjalankan ujian sendiri masing-masing," katanya mererusi kenyataan akhbar semalam.

Adham berkata, KKM juga me-



ORANG ramai kini boleh melakukan ujian saringan Covid-19 secara sendiri di rumah. - GAMBAR HIASAN

netapkan mana-mana syarikat yang diberi kelulusan bersyarat diminta supaya mengedarkan kit-kit ujian sendiri Covid-19 melalui farmasi komuniti berlesen dan fasiliti kesihatan yang dibenarkan.

Menurutnya, ia bertujuan memastikan kawalan dari segi penggunaan dalam kalangan orang awam yang masih perlu mendapat pandangan profesional mengenai teknik yang betul meng-

gunakan kit berkenaan.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya melupakan kit-kit ujian yang telah digunakan dengan cara yang betul bagi mengelakkan kemungkinan penularan yang tidak diingini.

"Ya bagi memastikan tiada individu lain yang terdedah memandangkan pengendalian sampel itu melibatkan virus yang berbahaya dan boleh membawa maut," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Lembah Klang kekal catat kes tertinggi

Sebanyak 195 kes kematian direkodkan KKM melibatkan 173 rakyat tempatan dan 22 warga asing

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 17,105 kes baharu positif Covid-19 pada Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Lembah Klang kekal penyumbang tertinggi angka tersebut dengan Selangor (5,836) dan Kuala Lumpur (2,309) kes.

Negeri lain yang melaporkan kes harian tinggi adalah Johor (1,275), Kedah (1,036) dan Sabah (1,010).

Ia diikuti Perak (967), Kelantan (915), Negeri Sembilan (816), Pulau Pinang

(798), Pahang (628), Melaka (508), Sarawak (494), Terengganu (429), Putrajaya (72), Perlis (tujuh) dan Labuan (lima).

Menurutnya, daripada 17,105 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 317 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima.

"Sebanyak 16,788 kes lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah jangkitan tersebut turut terdiri daripada 37 kes import.

"Jumlah penularan dalam negara adalah 17,068 kes yang membabitkan 14,688 warga tempatan dan 2,380 warga asing," katanya.

Beliau berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 1,163,291.

"Kes aktif di seluruh negara adalah 203,664 yang mana 1,066 pesakit ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) serta 537 kes me-



DR NOOR HISHAM

merlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, terdapat 195 kes kematian direkodkan KKM melibatkan 173 rakyat tempatan dan 22 warga asing.

"Kes kematian hari ini (Selasa) merekodkan 88 kes di Selangor, Johor (24), Pulau Pinang

(15), Kedah (13) dan Sabah (12). "Lapan kes masing-masing di Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu (tujuh), Perak (empat), Kelantan (tiga), Sarawak (dua).

"Satu kes dikesan di Kuala Lumpur, Labuan dan Perlis," katanya.

Ujarnya, kes sembuh yang dicatatkan pula adalah 12,297 kes sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya 950,029.


Sementara itu, terdapat 30 kluster baharu dikenal pasti yang terdiri daripada 14 kluster komuniti, 14 kluster tempat kerja dan dua kumpulan berisiko tinggi.

Jumlah keseluruhan kluster adalah 3,761 dan 2,618 daripadanya telah diisytiharkan tamat dan bakinya, 1,143 kluster masih aktif. - Bernama

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 3 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,163,291	950,029	1,066	9,598	17,105	21,668,999

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

30 NEW CLUSTERS

NEW COVID-19 CASES AT 17,105

Selangor still tops list with 5,836 cases, followed by KL (2,309) and Johor (1,275)

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE number of Covid-19 cases rose to 17,105 up to noon yesterday, bringing the total number of infections to 1,163,291.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor still recorded the most number of cases with 5,836, followed by Kuala Lumpur (2,309), Johor (1,275), Kedah (1,036) and Sabah (1,010).

Most states logged cases in the hundreds, including Perak (967), Kelantan (915), Negri Sembilan (816), Penang (798), Pahang (628), Melaka (508), Sarawak (494) and Terengganu (429). Putrajaya had reported 72 cases, while Perlis and Labuan recorded seven and five cases respectively.

He said 195 people had died from the virus, including 173 Malaysians and 22 foreigners.

Selangor reported the highest number of deaths with 88. The state also recorded the most number of patients brought in dead with 20.

Johor logged 24 deaths, 15 in Penang, 13 in Kedah, 12 in Sabah, and eight each in Negri Sembilan, Melaka and Pahang.

There were also seven deaths

reported in Terengganu, Perak (four), Kelantan (three), Sarawak (two), and one death each in Kuala Lumpur, Labuan, and Perlis. In total, 34 out of the 195 deaths were brought in dead.

"Of the 17,105 cases reported today, 317 (1.9 per cent) are in Categories Three, Four and Five, while 16,788 (98.1 per cent) are in Categories One and Two.

"This is based on the current clinical conditions of newly diagnosed Covid-19 patients.

"There are some cases that remain in the same category throughout the infection period, but there are also those whose health status may change to either improve to a better category or may deteriorate," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham added that in total, only 3,115 cases, or 18.2 per cent, of the cases reported yesterday had a history of Covid-19 vaccination.

Most of those with a history of vaccination (3,041 people) were in categories one and two, who were either asymptomatic or only had minor symptoms.

He said 48 of those vaccinated were in category three (pneumonia), while 18 were in category four (pneumonia and needing oxygen). Only eight who had been inoculated were in category



A senior citizen in a wheelchair resting after being inoculated at the SPICE Convention Centre mega vaccination centre in Bayan Baru, Penang yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

five (critical and requiring ventilator support).

Currently, 1,066 patients were being warded in the Intensive Care Unit, with 537 requiring ventilators.

Another 12,297 people have recovered from Covid-19, increasing the number of recoveries to 950,029.

Meanwhile, Malaysia's infectivity rate or Rt dropped slightly from 1.08 on Sunday to 1.07 on Monday, said Dr Noor Hisham.

Terengganu reported the highest Rt with 1.3, followed by Ke-

lantan (1.25) and Perak (1.20).

He said all states reported an Rt higher than one, except for Negri Sembilan (0.91), Perlis (0) and Labuan (0).

On clusters, Dr Noor Hisham said the ministry detected 30 new clusters, with 14 being workplace clusters, 14 were community clusters and two involved high-risk groups.

They were reported in Kelantan, Kedah, Terengganu, Sarawak, Sabah, Pahang, Selangor, Perak, Johor, Negri Sembilan and Kuala Lumpur.

KAMPUNG KIULU BARU

Sabah village imposes 'no vaccine, no entry' rule

SOOK: A village here has banned non-vaccinated people from coming in to prevent the spread of Covid-19 in the locality.

Kampung Kiulu Baru Village Development and Security Committee chairman Julianus Gutang said they started the restriction on July 21 and had put up a banner at the entrance of the village. "This is meant for outsiders. We never know their health status.

"This restriction is necessary as the village is the entry to the new hiking spot, which is the Kosimbut Hill," he said.

Julianus added that outsiders also had to make a phone call or text the authorities if they want to come to the village. As for the villagers, he said almost 80 per cent of those eligible had been vaccinated. There are 214 people in Kampung Kiulu Baru.

"In the beginning, many of them refused due to influence from social media alleging that the vaccines were dangerous.

"But now, their awareness is at 99 per cent and they are receptive of the inoculation programme."

Up to Monday, 10.5 per cent, or 409,209, of Sabah's total population had completed their vaccination.

The state aims to administer 50,000 daily vaccine doses.

FROM TOMORROW TILL AUG 18

4 more localities in Sabah under EMCO for 2 weeks

KUALA LUMPUR: Four more localities in Sabah will be placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO) from tomorrow for two weeks following a significant increase in new Covid-19 cases.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Hishammuddin Hussein said they are Kampung Banjar in Keningau, Kem 3 Sibulu in Tenom, Penampang Baru in Penampang and Tawau Immigration Detention Depot.

Five more areas in Terengganu and Pahang also join the list of areas to be enforced with EMCO beginning tomorrow.

In Kemaman, Terengganu, Taman Rakyat Bestari Fasa 1 - 4, and public low-cost housing 1

and 2 will also be placed under EMCO together with the Manir sub-district in Kuala Terengganu.

Two localities in Raub, Pahang, namely Felda Tersang 1, 2 and 3 at Batu Talam sub-district, and Felda Krau 1, Gali sub-district, will also be placed under EMCO.

"These areas will be placed under EMCO from Aug 5 to Aug 18 following assessment by the Health Ministry and Covid-19 infection in these localities."

Meanwhile, the EMCO at Kampung Bintawa Hilir at Kuching, Sarawak, will be extended for another two weeks until Aug 17.

The EMCO in Kampung Sungai

Tapang in Kuching will end today as scheduled. The EMCO will also end for several areas in Sabah, namely Kampung Guruh-Guruh in Sipitang, Kampung Sri Menanti in Tawau, Kampung Air and Kampung Bokara in Sandakan.

Lusera Telipok sawmill, Kampung Mogiding Malawa and Progressif Perwira workers' quarters, Kampung Sinulihan and University Utama Condominium Fasa 2 will also see the EMCO being lifted today, together with four villages in Pulau Gaya.

"The four villages are Kampung Pondo, Kampung Kasuapan, Kampung Lok Urai and Kampung Pulau Gaya," Hishammuddin said in a statement.

He also said 60 premises were

ordered to close on Monday for failing to comply with the Movement Control Order's standard operating procedures following 82,244 inspections and snap checks conducted by the Compliance Operation Task Force nationwide.

Checks were also carried out at 1,847 factories, 13,919 business premises, 1,049 construction sites and 318 workers' hostels.

"A total of 215 people were slapped with compounds for various offences."

Hishammuddin said 28 illegal immigrants were also detained and three land vehicles seized during Op Benteng on Monday.

He said the armed forces, police, Malaysian Maritime En-

forcement Agency, Immigration Department, Customs Department, Malaysian Border Security Agency and other agencies mounted 890 roadblocks under Op Benteng.

Meanwhile, 542 people who arrived at the international entry points were ordered to undergo mandatory quarantine. To date, 9,721 returnees are still under quarantine at 83 hotels, 11 public training institutes and private education institutes nationwide.

On Monday, the Fire and Rescue Department, along with the local authorities, carried out 226 disinfection operations involving 94 red zones and two yellow zones.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Total active cases at an all-time high of 203,664

PUTRAJAYA: The number of active Covid-19 cases in Malaysia reached an all-time high of 203,664, surpassing the 200k mark for the first time.

In his daily Covid-19 press update, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysia recorded 17,105 new cases and 195 deaths.

"Of the 17,105 new infections, 98.1% are mild or asymptomatic cases. The remaining 1.9% are Category 3, 4 and 5 cases," he said.

At least 3,115 cases (18.2%) are people with a history of vaccination. Most of them (3,041) either have mild or no symptoms.

Some 54% of yesterday's cases are those traced from the screening of close contacts. Another 35% are sporadic infections, while 9% have links to clusters.

There are also 37 imported cases.

Five states have more than 1,000 cases – Selangor with 5,836, Kuala Lumpur with 2,309, Johor with 1,275, Kedah with 1,036 and Sabah with 1,010.

Labuan, which now has 82% fully vaccinated adults, recorded the lowest number of infections with just five new cases.

Of the 195 deaths recorded, 173 were Malaysian citizens, while 22 are foreign nationals.

At least 150 of the casualties had some form of comorbidity.

There were 34 fatalities recorded as "brought-in-dead" cases.

Selangor reported the highest number of fatalities with 88 deaths, followed by Johor with 24 and Penang with 15.

Yesterday, 12,297 more patients in the country were discharged from treatment.

Currently, there are 1,066 patients in intensive care units (ICU), with 537 on ventilator support.

Dr Noor Hisham said Malaysia's infectivity rate as at Aug 2 was at an Rt level of 1.07 – down from 1.08 the previous day.

State-wise, Terengganu had the highest infectivity rate with an Rt of 1.30, followed by Kelantan (Rt 1.25) and Perak (Rt 1.20).

The Health Ministry also identified 30 new Covid-19 clusters nationwide.

They consist of 14 workplace-related clusters and 14 community outbreaks.

Two clusters have been classified as high-risk groups, as they involve a medical centre and a transit centre for the homeless.